

Khamis – 10 Oktober 2019

Halaman : 08

8 A www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [@HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://instagram.com/@hmetromy)

Khamis 10.10.2019 | Harian Metro

lokal

Orang Asli serah duit RM15,000

Penduduk Kampung Lawai minta SPRM siasat wang diberikan syarikat konsesi balak dalam mesyuarat

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@hmetro.com.my

Ipoh

Penduduk Orang Asli dari Kampung Lawai, Jalong Tinggi dekat Sungai Siput menyerahkan sebahagian daripada RM40,000 wang sagu hati yang didakwa diberikan syarikat konsesi balak kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam.

Wang RM15,000 itu diserahkan 10 daripada 30 keluarga di kampung itu membolehkan SPRM melakukan siasatan kerana dipercayai sebagai pendahuluan sekiranya kerja pembalakan tidak dihentikan kerajaan negeri.

Pegawai lapangan Persatuan Aktivis Sahabat Alam Malaysia (Kuasa), Shazmi Rashid yang hadir membuat laporan bersama masyarakat Orang Asli itu berkata, laporan polis dibuat wakil penduduk, Mat Seri Pandak



SHAZMI (tiga dari kanan) bersama penduduk Orang Asli dari Kampung Lawai, Jalong Tinggi dekat Sungai Siput menunjukkan laporan polis yang dibuat.

di Balai Polis Jalong, Isnin lalu.

"Saya dimaklumkan 3 Oktober lalu, dua penduduk Kampung Lawai memanggil semua penduduk kampung untuk bermesyuarat di Dewan Adat tanpa diberitahu sebab mesyuarat.

"Pada mesyuarat itu, dua penduduk memberitahu

mereka bersama Tok Batin kampung itu mengadakan pertemuan dengan Pegawai Perhutanan dan tauke balak di Pejabat Hutan Dera Sungai Siput dan seorang daripada mereka mem-

beritahu RM80,000 akan diberikan kepada penduduk oleh syarikat konsesi untuk satu blok balak.

"Buat masa sekarang RM40,000 diberikan terlebih dulu sebagai

guhati," katanya kepada selepas mengiringi wakil masyarakat Orang Asli Kampung Lawai membuat laporan di pejabat SPRM Perak semalam.

Sementara itu, Mat Seri yang turut hadir membuat laporan berkata, wang itu diedarkan kepada setiap ahli keluarga dengan jumlah paling tinggi bagi individu dewasa RM470 manakala jumlah paling sedikit RM50 yang diterima setiap kanak-kanak.

Sambil menyifatkan pembeiran wang itu sesuatu yang tidak kena, dia bersama beberapa penduduk lain memulangkan semula wang itu kepada pihak berkuasa supaya siasatan boleh dijalankan.

Katanya, aktiviti pembalakan berlangsung di kampung mereka sejak Julai lalu dan penduduk menyuarakan bantahan kepada pejabat Menteri Besar Perak pada 25 September lalu.

"Kami bersetuju dan bersepakat untuk mengembalikan wang sagu hati yang

diterima kepada SPRM bagi membolehkan agensi itu menjalankan siasatan terhadap pemberian wang sagu hati kepada penduduk kampung.

"Sebelum ini kami menerima wang yang diberikan kerana tidak mahu menjatuhkan air muka pemberi dan tidak mahu ia jadi kecoh, pencerobohan kawasan balak berlangsung sejak dua bulan lalu.

"Kami buat bantahan untuk kepentingan masyarakat Orang Asli di Jalong Tinggi. Kami takut kesan bencana alam akibat pembalakan yang membawa kepada tanah runtuhan, pencemaran sungai Korbu dan bencana lain," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Perhutanan Perak, Datuk Mohamad Zin Yusop ketika dihubungi bagi mengesahkan perkara itu berkata, pihaknya akan menyiasat terlebih dulu dakwaan itu sebelum membuat kenyataan.

"Buat masa ini saya tiada maklumat mengenai perkara itu," katanya.

Setiap ahli keluarga dewasa terima RM470, kanak-kanak RM50